

Lima asas bentuk bangsa Malaysia

BB - 1 FEB 1992

Oleh Norazmi Abdul Talib

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggariskan lima kekuatan asas yang mesti dimiliki seluruh rakyat bagi membentuk satu bangsa Malaysia yang bersatu padu dan maju menjelang tahun 2020.

Katanya, kekuatan asas itu ialah kebolehan merangsangkan pertumbuhan ekonomi, semangat muafakat, sikap bertolak ansur, cintakan keamanan serta kestabilan dan cara hidup demokratik.

"Kekuatan ini akan membuat kita bersedia menghadapi cabaran yang mendatang," katanya dalam ucapan

dasar bertajuk Negara Malaysia Bersatu - Satu Bangsa Malaysia Ke arah Tahun 2020' di majlis makan malam Kelab Harvard Malaysia di sini, malam ini.

Menurutnya, rakyat sendiri yang akan menentukan sama ada boleh atau tidak Malaysia menjadi bangsa yang bersatu menjelang tahun 2020.

"Dalam demokrasi, rakyat menguasai terus dan berpengaruh ke atas dasar dan program yang digubal. Kerajaan yang dipilih hanya boleh bergerak ke arah yang dikehendaki rakyat dan ia akan bergerak cepat selagi

dikehendaki," katanya.

Sehubungan itu, katanya, kepentingan untuk mengubah sikap dan nilai tradisi kebudayaan akan berkembang selaras dengan kemajuan negara ke arah perindustrian.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, negara akan terus dimajukan berasaskan kepada dasar dan program yang menyumbangkan hubungan sosial sihat di kalangan masyarakat majmuk, berkongsi nilai serta persepsi, persamaan identiti Malaysia dan kebudayaan yang mengekalkan warisan bangsa, dalam tempoh 30 ta-

hun lagi.

Bagaimanapun, katanya, jika dasar dan program berkenaan tidak menepati apa yang diharapkan, harus diperbetulkan.

"Kita mesti menyemak semula jika tidak menghasilkan keputusan yang diharapkan. Kita mesti bersedia untuk berinovasi, mengalami dan menerima perubahan yang diperlukan," katanya.

Menurutnya, mengukuhkan bangsa Malaysia yang bersatu padu adalah antara sembilan cabaran yang dikenal pasti untuk diatasi menjelang tahun 2020 dan mesti dilaksanakan serentak.

Beliau berkata, kerajaan memperkenalkan pelbagai dasar dan program, selain Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN), bagi mengukuhkan perpaduan kebangsaan sejak 30 tahun lalu.

Ia termasuk Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan, yang diperkenalkan bagi mengukuhkan perpaduan.

Katanya, perpaduan bangsa adalah matlamat penting dalam dasar dan program yang membabitkan perkara berkenaan, termasuk sukan dan perumahan.